

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN TAN SRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
SEMPENA
PERASMIAN PROGRAM PERDANA BERMALAM DI MUZIUM 2016**

**30 OGOS, 4:00 PETANG
DATARAN MUZIUM NEGARA**

(SALUTASI DISAHKAN OLEH PENGANJUR)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sehati Sejiwa

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Yang Berusaha Encik Kamarul Baharin A.Kasim

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Pengarah-pengarah Muzium Negeri dan Muzium Jabatan.

Ketua-ketua Jabatan, Dif-dif Kehormat,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, maka kita dapat berhimpun di sini pada hari ini untuk bersama-sama

memeriahkan dan menjayakan **Majlis Perasmian Program Perdana Bermalam di Muzium 2016.**

2. Saya berasa amat teruja melihat begitu ramai sekali anak-anak muda kita berada di sini untuk program ini. Tahniah, saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia atas sambutan menggalakkan yang diterima untuk program ini sehingga saya difahamkan, ada permohonan yang terpaksa ditolak disebabkan tempat yang terhad. Ini adalah bukti keupayaan pihak muzium dalam menarik minat generasi muda kita untuk mendampingi khazanah sejarah dan budaya negara.
3. Kita sedia maklum bahawa generasi muda adalah aset negara yang tidak ternilai harganya. Kata orang, 'Jika hendak lihat bagaimana masa depan sebuah negara, maka lihatlah bagaimana generasi mudanya pada hari ini' (*"If you want to see the future of a nation, look at its youth today"*). Manakan tidaknya, di tangan merekalah letaknya 'survival' bangsa. Masa akan terus berlalu dengan pantas. Sampai waktunya generasi inilah yang akan mengambil alih tugas dan peranan kita. Sejauhmana mereka mampu menggalas tanggungjawab ini, jawapannya bergantung kepada sejauhmana keupayaan kita mendidik dan membentuk mereka pada hari ini.
4. Suka saya ingatkan bahawa tugas ini wajar kita galas bersama. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membangunkan jiwa merdeka dalam kalangan generasi ini. Mereka perlu diasuh dan dibentuk sebagai generasi yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi

agar tumbuh rasa cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Generasi hari ini adalah generasi pasca merdeka. Jika kita melihat kepada perangkaan penduduk pada tahun ini, dianggarkan lebih 80% daripada 31.7 juta penduduk Malaysia hari ini lahir selepas negara kita merdeka. Generasi ini lahir dan membesar dalam suasana negara berada dalam kemakmuran dan kemajuan. Mereka tidak lagi hidup dalam ketakutan sepanjang masa. Tidak lagi hidup dengan nyawa di muncung senapang. Tidak juga hidup dalam kelaparan mahupun kesengsaraan.
6. Justeru saranan saya, khususnya kepada generasi muda hari ini, hargailah keamanan dan kemakmuran yang kita kecapi hari ini. Jauhi segala anasir-anasir yang boleh menggugat keharmonian serta memecah-belahkan perpaduan yang kita bina selama ini. Belajarlah daripada sejarah dan hargailah seni warisan budaya kita agar nilai jati diri kita tetap utuh sehingga kita mampu membina sebuah bangsa yang disegani dan dihormati.
7. Kita akui bahawa penghayatan sejarah adalah cukup penting. Kita mahu generasi muda hari ini belajar dari sejarah. Sejarah akan membolehkan kita lebih bersedia untuk menghadapi masa hadapan, *"the more you know about the past, the better prepared you are for*

the future” (Theodore Roosevelt). Belajarlah dari sejarah untuk memahami bagaimana generasi terdahulu telah berusaha meletakkan asas perpaduan yang kukuh dalam usaha mengharmonikan hubungan kaum di negara ini. Ambil tahu tentang falsafah perjuangan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambathan. Perjuangan mereka inilah yang telah melahirkan kesepakatan kaum berteraskan nilai toleransi yang tinggi demi keutuhan sebuah bangsa yang baharu ketika itu. Demikian juga dengan penyertaan Sabah dan Sarawak yang berlaku menerusi permuafakatan yang terjalin di antara semua pihak sehingga akhirnya kita berjaya mewujudkan sebuah ‘keluarga besar’ yang baharu dan kekal harmoni sehingga ke hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Formula kejayaan kita adalah perpaduan. Justeru kita lihat, isu perpaduan tetap dan sentiasa menjadi prioriti pihak kerajaan dari dulu hingga sekarang. Pengenalan konsep 1Malaysia di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini misalnya merupakan kesinambungan dari usaha kerajaan untuk memperkasa agenda integrasi nasional. Di bawah gagasan 1Malaysia, kerajaan tidak pernah jemu berusaha memupuk semangat setiakawan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Kerana itu, gagasan 1Malaysia membawa konsep perpaduan yang berbeza dengan konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain. Kita tidak

melupakan identiti kaum-kaum etnik untuk diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Sebaliknya kita menghargai identiti setiap etnik ini dengan menyifatkannya sebagai satu kelebihan yang menjadi kebanggaan bersama.

9. Suka untuk saya tegaskan bahawa kita sebenarnya cukup bertuah kerana kepelbagaian identiti etnik ini merupakan aset yang tidak ternilai harganya kepada negara. Menerusi kepelbagaian ini, kita mewarisi seni budaya yang penuh warna-warni. Inilah yang menjadi sumber kekuatan kita sehingga dunia mengenali Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang harmoni di bawah jenama, "Malaysia Truly Asia".

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. "Malaysia Truly Asia" adalah jenama kita untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang patut dikunjungi. Kita menjanjikan satu pengalaman baru yang menarik kepada para pelancong menerusi faktor kepelbagaian budaya dan kemesraan penduduknya. Ini kelebihan kita. Bahkan, suka saya berkongsi bahawa Malaysia menjadi destinasi pelancongan yang unggul disebabkan oleh kepelbagaian ini. Kepelbagaian budaya sudah menjadi identiti kita.
11. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terus melaksanakan peranannya sebagai agensi utama kerajaan dalam melaksana program yang berkaitan dengan seni, budaya dan pemeliharaan warisan

negara. Semua agensi kita berusaha keras untuk tujuan tersebut. Saya tahu, muzium sebagai 'custodian of heritage' juga sentiasa berusaha untuk mengangkat martabat khazanah warisan sejarah dan budaya menerusi setiap program dan aktiviti yang termasuklah program "Bermalam di Muzium" yang diadakan pada hari ini.

12. Saya difahamkan bahawa penganjuran 'Program Bermalam di Muzium' telah dipelopori oleh Muzium Negara di bawah Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2005. Sejak itu, program ini dianjurkan hampir saban tahun di Muzium Negara bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan Negara. Program ini juga telah menjadi ikutan oleh muzium-muzium yang lain termasuklah muzium-muzium negeri di seluruh negara. Dan untuk tahun ini, saya difahamkan program 'Bermalam di Muzium' ini julung kalinya diadakan secara serentak di muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia sekaligus mencatatkan penyertaan tertinggi dalam *Malaysia Book of Record*. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada Jabatan Muzium Malaysia dan semua pihak yang turut bersama memberi sokongan dan kerjasama untuk menjayakan program ini khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak sekolah dan ibu bapa.
13. Semoga program-program yang seumpama ini diteruskan lagi bagi membantu usaha pihak kerajaan untuk membenihkan semangat patriotisme dan nilai perpaduan yang teguh dalam kalangan generasi muda hari ini. Sesungguhnya usaha yang berterusan ke arah membangun nilai budaya positif dan mewujudkan satu bangsa

Malaysia adalah sangat penting untuk mengekalkan keharmonian terutamanya dalam suasana kepelbagaian etnik di Malaysia.

Hadirin dan hadirin sekalian,

14. Kita adalah 1Malaysia. Berbeza nama, agama, dan budaya namun kita telah buktikan sejak beberapa generasi bahawa sifat hormat-menghormati, saling percaya-mempercayai, bertoleransi dan muafakat adalah kunci kejayaan dan kemakmuran yang kita nikmati hari ini. Saya menyeru kepada semua yang ada di sini untuk bersama-sama pihak kerajaan dalam usaha mewujudkan generasi yang berpegang teguh kepada budaya tradisi dan memperkukuh keharmonian kaum di tanahair tercinta ini. Inilah yang menjadi tonggak untuk kita terus mempertahankan kedaulatan negara.

15. Seperti tahun lepas, tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah 'Sehati Sejiwa'. Tema ini mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini. Siapa pun kita, rasa cinta dan sayang terhadap negara mesti ada dalam sanubari setiap rakyat yang mengaku warganegaranya. Kecintaan ini akan menyuburkan semangat patriotisme sebagai mekanisme yang ampuh dalam mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan maruah tanah air. Bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia, semangat ini amatlah diperlukan untuk mencapai hasrat membina satu negara dengan satu impian yang serupa bagi seluruh warganegaranya.

16. Saya suka untuk memetik kata-kata Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan Negara ketika membentangkan usul penggubalan Perlembagaan di Majlis Perundangan Persekutuan pada 10 Julai 1957. Ucapan beliau dalam Bahasa Inggeris menyebut;

"... for the future wellbeing of our country, we expect and demand the undivided loyalty of all who wish to call themselves Malaysians; ... let us make it work and build for ourselves and our descendants a Shangri-la whereby we can all live in peace, happiness and prosperity". [... untuk masa depan kesejahteraan negara ini, kita berharap dan meminta kesetiaan tidak berbelah bahagi dari mereka yang memanggil diri mereka warga Malaya; ... ayuh, mari bersama membinanya untuk kita dan generasi akan datang supaya dapat terus hidup aman, tenteram dan bahagia].

Maka sebagai rakyat Malaysia, marilah kita berganding bahu melangkah sederap serentak menuju 'gunung yang tinggi sama didaki, lurah yang dalam sama dituruni'. Jadilah warganegara patriotik yang menjunjung tinggi perlembagaan negara dan berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara. Sebelum saya akhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

*Halus Teratur Jambangan Cempaka,
Di Tepi Jejawi Molek Kedidi;
Takkan Luntur Semangat Merdeka,
Dijulang Pertiwi Sentosa Abadi.*

17. Untuk itu, bagi menyempurnakan majlis ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan **PROGRAM PERDANA "BERMALAM DI MUZIUM" 2016.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah w.b.t.
Terima kasih.